

(13 September 2021) Utusan Malaysia, p. 15

Harapan KL kepada Shahidan

KATA SAYA

Oleh
Ku Seman
Ku Hussain



BEBERA PAJAM selepas pengumuman barisan menteri Kabinet baru-baru ini, seorang kawan lama di Perlis menghantar mesej berbunyi: "Orang Perlis dah pi jaga Kuala Lumpur." 'Orang Perlis' yang dimaksudkan ialah Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Wilayah Persekutuan merangkumi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Walaupun hanya tiga wilayah tetapi dua daripadanya, Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah jantung negara ini. Pusat ekonomi utama berada di Kuala Lumpur dan pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya.

Shahidan, bekas Menteri Besar Perlis dari 1995 hingga 2008. Kini menjadi Ahli Parlimen Arau, satu daripada tiga kawasan Parlimen di Perlis. Sebelum itu hanya dua, kemudian ditambah Parlimen Padang Besar.

Ketika saya berada di kampung hingga awal 1980-an, Perlis jauh ketinggalan. Tidak ada peluang pekerjaan untuk orang muda sebaya saya. Banyak kawan merantau mencari kerja di negeri lain seperti Pulau Pinang atau Selangor malah ke Singapura. Selebihnya menyertai angkatan tentera.

Saya bertahan di kampung dengan mengerjakan sawah milik keluarga dan mengambil upah sebagai buruh binaan membuat perpustakaan di Institut Teknologi Mara (ITM) di Arau. Bagaimanapun, akhirnya saya juga meninggalkan kampung apabila mendapat tawaran menjadi wartawan *Utusan Melayu* di Kuala Lumpur pada 1984.

Tetapi lebih kurang 10 tahun kemudian, Perlis sudah kelihatan banyak berubah. Bandar Kangar yang

dahulunya tidak ada satu pun lampu isyarat, sudah berubah wajah. Banyak lot kedai baharu menggantikan bazar dan kedai berdinding papan yang daif. Sudah ada dua pusat beli-belah - satu di tepi Sungai Perlis berhampiran Bukit Lagi dan satu lagi di tapak stesen bas Kangar yang lama.

Ketika itu juga kalau tidak silap sudah ada cawangan restoran KFC yang pertama di Kangar. Restoran ayam goreng yang popular itu sentiasa penuh sepanjang masa. Mana tidaknya, orang Perlis sudah lama menonton iklan KFC di televisyen tetapi baru sahaja dapat menikmatinya.

Itulah antara usaha yang dilakukan Shahidan ketika menjadi Menteri Besar Perlis yang usianya relatif muda, sekitar 45 tahun. Pembangunan bergerak dengan drastik, prasarana menjulur hingga ke seluruh ceruk kampung. Jalan tanah merah bertukar tar.

Wajah bandar Kangar pun menjadi lebih berseri. Sudah ada kawasan perindustrian yang menempatkan banyak kilang termasuk oleh pelabur luar negara di Jejawi. Malah telah mengubah keadaan Jejawi yang sebelumnya tidak ada apa-apa menjadi bandar industri yang menyumbang pada peningkatan ekonomi.

Shahidan juga memanfaatkan limpahan ekonomi daripada Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) apabila membina lebuh raya menghubungkan Changlun, Kedah dengan Kuala Perlis.

Ketika masih di kampung dahulu, perhubungan antara kampung saya dengan pekan terdekat, Simpang Empat lebih kurang lima kilometer hanya menggunakan jalan tanah merah. Berdebu ketika musim kering dan berlumpur tenggelam tayar motosikal semasa musim hujan.

CENGÉ

Bagaimanapun, perubahan berlaku dengan pesatnya pada pertengahan 1990-an apabila jalan berturap tar hingga ke depan tangga. Jalan-jalan kecil merentas sawah yang melaut luasnya juga tidak bertanah merah

“
Walaupun Shahidan agak tegas dan cenge (garang) tetapi disukai kerana ada sisi mesra dengan orang kampung.”

lagi. Semua berturap tar yang membolehkan kereta masuk ke segenap kampung.

Shahidan memberikan tumpuan pada prasarana untuk kemudahan rakyat yang telah lama bergelumang dengan kesukaran. Sesekali apabila pulang ke kampung, arwah ibu selalu bercerita tentang Shahidan. Beliau wakil rakyat yang kerap melawat orang kampung termasuk kampung saya, Mengkuang Layar.

Shahidan tidak kenal saya dan kami tidak pernah berjumpa. Tetapi ini tidak menghairankan kerana saya wartawan yang tidak dikenali ahli politik. Tetapi saya kenal Shahidan daripada usaha yang dilakukan dan cerita-cerita ibu. Walaupun Shahidan agak tegas dan cenge (garang) tetapi disukai kerana ada sisi mesra dengan orang kampung.

Kini Shahidan dipertanggungjawab menjaga Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur antara wilayah yang kompleks dalam Wilayah Persekutuan. Ini memerlukan pemimpin yang tangkas,

tidak terlalu 'ikut buku' dan sering menjenguk ke segenap relung kehidupan golongan bawah yang miskin bandar.

Tugas besar Shahidan ialah memastikan Kuala Lumpur untuk semua, bukan monopoli satu kaum sahaja. Di sebalik bangunan tinggi, moden dan mewah, tersembunyi wajah sosial Kuala Lumpur yang sebenar. Kepesatan Kuala Lumpur sebagai pusat ekonomi tidak dinikmati secara bersama - banyak yang mampu melihat daripada memiliki.

Tanpa apogetik kita harus mengakui polarisasi kaum terus menjadi persoalan teras di Kuala Lumpur. Kawasan-kawasan yang beridentiti dan dominasi kaum tertentu terus wujud dan masih tidak menjanjikan perubahan. Shahidan perlu menjadikan Kuala Lumpur kota milik bersama.

Suatu yang perlu dilihat semula ialah pelan pembangunan Kuala Lumpur kerana petempatan dan kediaman baharu dilihat gagal merentas garis kaum. Di kawasan yang majoriti Cina terus menjadi tumpuan Cina

dan kawasan Melayu menjadi tumpuan Melayu.

Orang Melayu sebenarnya tertumpu di kawasan asal seperti Keramat, Kampung Baru, Kampung Pandan dan Lembah Pantai. Sementara orang Cina di kawasan-kawasan bandar yang komersial seperti Bukit Bintang, Cheras, Sungai Besi, Jalan Kelang Lama dan Seputeh.

Segmentasi petempatan kaum di Kuala Lumpur suatu yang tidak baik pada pembangunan sosiobudaya dan politik wilayah ini. Kita perlu maklum, Kuala Lumpur bukan ibu negeri, tetapi sebuah wilayah yang berada dalam tadbir urus Kerajaan Persekutuan. Misalnya kawasan segi tiga emas di tengah-tengah Kuala Lumpur + hanya didominasi oleh satu kaum sahaja.

Ini belum lagi kawasan asal Melayu seperti Bukit Kerinchi berubah menjadi dominasi kaum lain. Pembangunan menjadi alat menyingkir orang Melayu secara terhormat dari pusat bandar Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur tidak memerlukan prasarana seperti di luar bandar. Kuala Lumpur sudah cukup semuanya kecuali pelan pembangunan sosial komprehensif untuk mengikis polarisasi yang wujud daripada segmentasi petempatan mengikut kaum.

Maka ketangkasannya Shahidan sangat diperlukan untuk membawa Kuala Lumpur menjadi lambang sebenar Keluarga Malaysia.

PENULIS ialah Editor Kuseman.com.



SHAHIDAN KASSIM